

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2018

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah soft loan yang dipinjam oleh National Feedlot Corporation yang telah dibayar balik kepada Kerajaan setakat Disember 2017. Adakah Kerajaan telah menyita aset-aset NFC seperti kondominium dan kereta mewah daripada syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki pinjaman belum selesai NFC sehingga 31 Januari 2018 berjumlah RM248,193,737.81. NFC telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan sebanyak RM34.98 juta pada tahun 2012 dan 2013. Jumlah wang sitaan NFC

dan syarikat berkaitan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berjumlah RM46,934,703.17. Perintah Writ Milikan Kosong (Bailif) telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Tampin pada 22 Februari 2017 bagi mengarahkan NFC mengosongkan tapak premis mulai 1 Mac 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)

SOALAN : 52

**Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah penguatkuasaan terhadap pelanggaran undang-undang tentang penggunaan "*tinted glass*" di kenderaan dalam negara kita; dan
- (b) apakah Kerajaan dapat berunding dengan Kerajaan Negara Brunei agar dapat membenarkan kenderaan Malaysia yang memakai "*tinted glass*" mengikut spesifikasi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia untuk melepasi Negara Brunei tanpa masalah dikenakan tindakan melanggar peraturan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan peruntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 pindaan 2016, Kadar Ketelusan Cahaya (*Visible Light Transmittance* – VLT) yang dibenarkan adalah 70 peratus bagi cermin hadapan, 50 peratus bagi cermin sisi pemandu dan penumpang hadapan serta 30 peratus bagi cermin sisi penumpang belakang dan cermin belakang.

Seterusnya, bagi mana-mana pemilik kenderaan yang gagal mematuhi ketetapan kadar ketelusan cahaya adalah melakukan kesalahan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan dari semasa ke semasa. Sekiranya mana-mana kenderaan yang didapati tidak mematuhi peraturan berkenaan, pemilik kenderaan akan diberi Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) dan diberi tempoh selama 10 hari untuk menukar cermin atau menanggalkan plastik hitam yang ditampal pada cermin. Jika pemilik gagal berbuat demikian, notis saman akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan di atas kesalahan tersebut.

Kesalahan ini boleh di kompaun maksimum sehingga RM300 dan boleh didenda di mahkamah tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas

129

bulan atau kedua-duanya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 119(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

- b) Kerajaan Malaysia dalam perancangan untuk mengadakan perbincangan Dua-Hala (*Bilateral*) dengan Negara Brunei dalam masa terdekat yang turut melibatkan perbincangan mengenai isu cermin gelap pada kenderaan yang dikuatkuasakan di bawah perundangan negara masing-masing. Ini memandangkan Negara Brunei tidak membenarkan penggunaan cermin gelap pada kenderaan berbanding Malaysia yang menetapkan peratusan kadar ketelusan cahaya di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2016. Perbincangan Dua Hala dengan Negara Brunei kelak diharap dapat mencapai satu *mutual understanding* diantara Malaysia dan Brunei berhubung perkara ini.